

Isa mula pelayanan di Galilea

Petikan dari Kitab Injil: [Matius 4:12-17.](#)

¹²Apabila mendengar bahawa Yahya telah dipenjarakan, Isa pun pergi ke Galilea. ¹³Dia tidak tinggal di Nasaret tetapi di Kapernaum, sebuah kota di pinggir laut Galilea di kawasan Zebulon dan Naftali. ¹⁴Dengan demikian berlakulah nubuat Nabi Yasyaya:

¹⁵'Tanah Zebulon, tanah Naftali,
di pinggir laut, seberang Sungai Yordan,
Galilea, tanah bangsa-bangsa asing.

¹⁶Bangsa yang hidup dalam kegelapan
telah melihat cahaya gemilang.
Bagi mereka yang di bawah bayangan maut,
Cahaya telah bersinar!'

¹⁷Isa pun mula menyampaikan perkhabaran-Nya, 'Bertaubatlah, kerana kerajaan syurga hampir tiba!'